




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

29 MEI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **265 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **61,847 kes**. Empat (4) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) di daerah Kota Belud, satu (1) di Kuala Penyu dan satu (1) di Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 153 menjadikan jumlah kumulatif 59,391 orang. Seramai 1,407 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 418 orang di hospital, 984 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara lima (5) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 71 orang dan 25 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dilaporkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 14 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 43 kes iaitu daripada 308 kes kelmarin (28 Mei 2021) kepada 265 kes (29 Mei 2021).
- ii Daripada 265 kes jangkitan baharu hari ini, 134 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 75 kes adalah daripada saringan kluster, 35 kes adalah daripada saringan bergejala, tujuh (7) kes daripada saringan bersasar dan 14 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 14 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes pada julat satu (1) angka sahaja kecuali tiga (3) daerah lain yang menunjukkan penurunan ketara pada julat dua (2) angka iaitu Keningau (-20 kes), Kunak (-16) dan Papar (-14 kes).
- iv Hanya dua (2) daerah yang mencatatkan peningkatan kes pada hari ini namun, trend peningkatan ketara telah berlaku di kedua-dua daerah tersebut iaitu Tawau 72 kes (+35) dan Kalabakan 46 kes (+21). Tiga (3) daerah lain yang mencatatkan kes baharu pada hari ini iaitu Sandakan (11 kes), Kota Belud (10 kes) dan Sipitang satu (1) kes kekal sebagaimana jumlah kes kelmarin.
- v Pada hari ini, 10 daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Ranau, Beluran, Telupid, Pitas, Kota Marudu, Kinabatangan, Tongod, Tenom, Nabawan dan Tambunan.
- vi Keberkesanan penurunan kes dalam membendung penularan pandemik Covid-19 ini sangat bergantung kepada sejauh mana kesungguhan komuniti dalam pematuhan SOP sendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 **Satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Patuma di Kota Kinabalu mula direkodkan pada 18 Mei 2021 menerusi saringan bergejala di klinik swasta. Kes indeks merupakan pemandu grab, lelaki, 55, yang juga bilal di Masjid Al Falah Kepayan. Susulan kes itu, pasukan kawalan bertindak pantas dengan menjalankan saringan kontak dan mendapati 10 lagi kes positif, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes. Berdasarkan siasatan awal, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan daripada jemaah yang gagal mematuhi SOP ketat sepanjang berada di masjid terbabit. Selain itu, potensi penularan juga disumbang oleh segelintir jemaah yang masih hadir ke masjid walaupun mempunyai gejala. Setakat hari ini, 133 sampel pertama telah diambil dan 33 sampel lagi masih belum selesai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,740 unit

- Hospital 605 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,715 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 37.62%

B PKPD KAMPUNG PADAWAN, PAPAR

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kampung Padawan, Papar.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 238 ujian saringan dan lima belas (15) daripadanya didapati positif COVID-19.
- 3 KKM mengesahkan berlaku peningkatan ketara kes dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Padawan, Papar, Sabah berkuat kuasa 31 Mei sehingga 13 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 5 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

C PELANJUTAN PKPD KAMPUNG SUNGAI LANGGAS, KUNAK

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Langgas, Kunak yang dijadualkan tamat pada, 30 Mei 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 336 ujian saringan dan 53 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati kes masih lagi menular di lokaliti tersebut serta terdapat juga sampel ujian saringan sedang menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Sungai Langgas, Kunak bermula 31 Mei sehingga 13 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

D PKPD FELDA SAHABAT 40 (KAMPUNG KEMBARA SAKTI), MUKIM TUNGKU, LAHAD DATU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Felda Sahabat 40 (Kampung Kembara Sakti), Mukim Tungku, Lahad Datu.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 10 kes telah direkodkan oleh KKM setelah menjalani ujian saringan ke atas 28 penduduk di lokaliti tersebut.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Felda Sahabat 40 (Kampung Kembara Sakti), Mukim Tungku, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa 31 Mei sehingga 13 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

E SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. MOOK, KINARUT, PAPAR

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Mook, Kinarut, Papar adalah seperti di **LAMPIRAN A**

F SOP PKPD DI KG. BARU DUROK, KENINGAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Baru Durok, Keningau adalah seperti di **LAMPIRAN B**

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **159** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,536** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **95** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,667** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **5,116** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **68,408** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **2,551** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **24,224** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **8,037** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **541,016** (mysejahtera 478,187 : laman web 62,608 : talian vaksinasi 221) bersamaan 18.4%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **324,424** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 70 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 45,017 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 152 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 47 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Lapan (8) orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - 15 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - Tujuh (7) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Tujuh (7) orang : Aktiviti sukan.
 - Tiga (3) orang : Membawa penumpang berlebihan.
 - Lima (5) orang : Operasi lebih masa
 - Dua (2) orang : Lain-lain kesalahan.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 95 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat dibawah Akta Perikanan 1985.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 389 lokasi melibatkan seramai 215 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 77 anggota di 60 lokasi.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Sandakan, Kinabatangan, Kota Kinabalu dan Keningau.
- 7 Sejumlah 38 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 63 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kudat	98%
5	Beaufort	98%
6	Ranau	98%
7	Kinabatangan	98%
8	Keningau	97.5%
9	Sipitang	97.5%
10	Tuaran	97.5%
11	Kunak	97.5%
12	Sandakan	97.5%
13	Penampang	97.5%
14	Kota Belud	97%
15	Papar	97%
16	Semporna	96.5%
17	Lahad Datu	96.5%
18	Kota Kinabalu	96.5%
19	Tawau	96%


- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

Dikemaskini pada 29 Mei 2021

**Aktiviti dibenarkan**

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.


Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	• Seluruh Kawasan Kg. Mook, Kinarut, Papar, Sabah
Tempoh Berkuatkuasa	• 29 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 11 Jun 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

Dikemaskini pada 29 Mei 2021

**Aktiviti dibenarkan**

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	• Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. • Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. • Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali:<table><tr><th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr><tr><td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr></table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. MOOK, KINARUT, PAPAR, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat

AKTMITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	• Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan b) membeli keperluan asas. • Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. • Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. • Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. • KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. • Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.

Dikemaskini pada 29 Mei 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. BARU DUROK, KENINGAU, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat

AKTMTI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	• Seluruh Kawasan Kg. Baru Durok, Keningau, Sabah
Tempoh Berkuatkuasa	• 29 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 11 Jun 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

Dikemaskini pada 29 Mei 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. BARU DUROK, KENINGAU, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat

AKTMTI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	• Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. • Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. • Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali:<table><tr><th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr><tr><td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr></table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. BARU DUROK, KENINGAU, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	• Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan b) membeli keperluan asas. • Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. • Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. • Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. • KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. • Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.